

BAB 2

BULI SIBER DAN UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

2.1 PENGENALAN KEPADA BULI SIBER

Baru baru ini, kita digemparkan lagi dengan berita menyayat hati dimana mangsa buli siber, Kameron Jacobson, telah mengambil jalan pintas untuk menyelesaikan masalahnya dengan membunuh diri pada usia empat belas tahun di Orange County, New York. Kameron, yang merupakan pelajar sekolah menengah, teli dibuli teruk melalui rangkaian laman web sosial, Facebook, dimana rakan-rakannya berkali-kali mengejek dan mencemuhnya mengenai persepsi mereka tentang orientasi seksualnya. Namun begitu, tiada laporan tentang bagaimana cara buli itu dilakukan mahupun sebarang maklumat tentang apa apa bantuan yang boleh diterima oleh keluarganya untuk mendapatkan keadilan terhadap kehilangan anak lelaki mereka.¹ Dengan hampanya, ahli keluarga Kameron harus merelakan kehilangan anak lelaki mereka pergi tanpa berpemikiran serong terhadap orang-orang yang mungkin telah menyumbang kepada kematian anak mereka tersebut.

Di sini, jelas dapat dilihat walaupun penggunaan Internet telah mencipta banyak kemudahan dalam kehidupan moden, ia juga telah memperkenalkan senario undang-undang yang tidak dapat diduga. Seperti yang dilihat melalui kejadian tragis di atas, buli siber telah menjadi satu isu yang bermasalah yang melibatkan penggunaan Internet secara salah dari segi moralnya dan juga di sisi undang-undang dan sememangnya tekeluar daripada tujuan asal internet dicipta, terutamanya kanak-kanak yang mula menggunakan teknologi pada usia yang sangat muda dan tidak dapat menilai impak kelakuan yang dilakukan kepada orang lain.

Pada masa ini, tiada undang-undang persekutuan atau negeri menyediakan makenisme undang-undang yang tepat bagi menjaga keadilan individu atau remaja yang mengalami masalah buli siber. Undang-Undang di Malaysia juga tidak menyediakan hukuman yang sesuai untuk diberikan kepada pembuli siber yang berumur bawah daripada umur majoriti. Dengan mewujudkan undang-undang persekutuan, secara tidak langsung dapat menyediakan

¹ Lisa Evers, *Sources: Teenager Kills Himself After Facebook Taunts*, Fox NEWS, <http://www.myfoxny.com/dpp/news/local-news/new-york-state/sources-teenager-killshimself-after-facebook-taunts-20110119> (last visited Sept 18, 2012). Video of the news reports contained within this article.

remedi bagi mangsa mangsa buli siber di bawah umur.² Dengan adanya undang-undang persekutuan berkaitan dengan buli siber ini juga dengan secara sendirinya akan berdiri sebagai suatu benteng bagi mangsa mangsa buli siber kerana jelas ianya dilakukan sebagai pemberi amaran kepada pembuli siber dan isu bawah umur tidak akan timbul walaupun status mereka sebagai seorang minor.

Secara amnya berdasarkan kajian yang dilakukan daripada tahun 2006 hingga 2012, mangsa tertinggi buli siber dalam tempoh 6 tahun adalah dalam kalangan pelajar atau kanak-kanak di bawah umur. Pada tahun 2006 sendiri, 98% daripada remaja dilaporkan mempunyai akses yang penuh kepada penggunaan Internet dan bahan-bahan dalam talian. Gejala buli siber telah menjadi lebih berleluasa bukan sahaja kerana betapa mudahnya seseorang remaja mengakses Internet, tetapi juga kerana internet memudahkan seseorang itu berinteraksi dengan seseorang yang lain tanpa memberitahu identiti sebenar atau dalam bahasa inggerisnya “anonymity” dan juga kerana kurangnya interaksi "muka-ke-muka" apabila dibandingkan dengan cara interaksi sosial sebenar dan inilah perkara-perkara yang menggalakkan pembuli siber berulang kali mengganggu. Ketidakeimbangan kuasa pelaku kepada mangsa menjadi semakin tidak seimbang dalam internet berbanding buli biasa kerana dalam masa yang sama, seseorang mangsa buli boleh dibuli oleh berjuta-juta rakan-rakannya serentak pada waktu yang sama. Lebih membimbangkan apabila seseorang pembuli boleh terlibat dengan pembulian tanpa ditegur kerana mereka berada di dalam perimeter sekolah. Pesalah boleh menghantar mesej menghina tentang mangsa kepada khalayak ramai dengan tidak terbatas bilangannya dengan hanya menekan butang keyboard, dan pada dasarnya, remaja boleh bersatu dan bersembunyi di sebalik teknologi sambil melakukan jenayah buli siber ini. Internet juga menjadikan seseorang pembuli siber itu berasa lebih berani dan berkuasa kerana tiada perinteraksian secara “muka-ke-muka” yang merupakan sebahagian daripada buli secara fizikal.

Oleh kerana internet membolehkan seseorang mengakses tanpa mendedahkan namanya, pembuli dengan mudah menyembunyikan identiti mereka dan dengan adanya konsep “anonymity” ini membuatkan pembuli lebih sukar untuk ditemui. Jejak bukti digital boleh dihapuskan oleh pembuli dengan menggunakan perisian yang disediakan. Data digital melalui banyak bidang kuasa sebelum sampai ke destinasi, menyebabkan mengesan

² Shira Auerbach, *Screening Out Cyberbullies: Remedies for Victims on the Internet Playground*, 30 CARDOZO L. REV. 1641, 1645 (2009).

komunikasi atau bulian yang dilakukan oleh pembuli menjadi sukar. Walaupun lokasi komputer yang digunakan oleh pembuli boleh dikesan, penggunaanya belum tentu dapat ditemui.

Seterusnya, Internet juga telah menjadi mudah alih memandangkan kepada peningkatan bilangan belia mempunyai komputer riba atau telefon yang boleh mengakses internet pada bila-bila masa dan secara tidak langsung membenarkan jumlah yang sangat besar data yang boleh dipindahkan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja, dengan mudah. Jangkauan global media juga telah dibuktikan bermasalah bagi seseorang mangsa mendapatkan remedi. Undang-undang Jenayah secara umumnya adalah bersifat lokal dan apabila pesalah dan mangsa berada dalam bidang kuasa yang berbeza tetapi bertemu melalui internet, masalah akan timbul tentang pegawai penguatkuasa undang-undang dan bidang kuasa boleh digunakan bagi menyelesaikan permasalahan.

Akhir sekali, pengawasan aktiviti internet adalah sukar, dan tiada undang-undang yang dicipta pada masa kini bagi menghukum pembuli siber, justeru pelaku tidak akan berasa takut dengan perbuatan yang dilakukan olehnya. Kesukaran pengawasan ini telah menjadi benih bagi pembuli siber untuk terus berkembang.

2.2 JENIS-JENIS BULI SIBER

Pada era digital ini, perkembangan yang mendadak dalam teknologi komunikasi telah membawa kepada isu-isu yang baru dan lebih membimbangkan. Sementara orang dewasa masih kagum dengan kemajuan teknologi yang makin hari makin mara ke hadapan, anak-anak muda dan remaja pula telah lali dengan kemajuan teknologi ini yang sudah dianggap sebagai kebiasaan.³ Teknologi telah menyediakan remaja dengan pelbagai cara dan medium untuk mewujudkan dan menambahkan persahabatan baru disamping membantu mereka mengekalkan hubungan persahabatan yang memang telah lama terjalin.⁴ Walaubagaimanapun, apabila meningkatnya teknologi, ada juga kelemahannya apabila pengguna yang menggunakan teknologi ini, menyalahgunakannya seperti yang telah dibincangkan di atas. Dalam dunia reality, persona di dalam internet ini akan menjadi orang-

³ ROBIN M. KOWALSKI ET AL., *CYBER BULLYING 2* (2008), pp 2-3.

⁴ ROBIN M. KOWALSKI ET AL., *CYBER BULLYING 2* (2008), pp 3-4.

orang yang menyenangkan, akan tetapi, pada hakikatnya, orang yang menggunakan internet semakin mula menggunakan Internet untuk merendahkan martabat atau membuli pengguna-pengguna lain secara maya.⁵

Buli di alam siber ini adalah merupakan satu fenomena yang baru, namun dengan perkembangan internet yang sungguh pantas telah membawa kepada beberapa isu yang membimbangkan yang perlu ditangani untuk membantu mangsa mangsa yang teraniaya akibat perbuatan buli siber ini.⁶ Namun, di Malaysia, membuli di alam siber bukanlah suatu kesalahan jenayah yang khusus. Peguam bela di Malaysia telah terpaksa untuk memasukkan aktiviti-aktiviti buli siber ini dengan jenayah-jenayah yang lain seperti kacau ganggu dan perbuatan mengugut untuk mentakrifkan definisi sebenar aktiviti buli siber ini dan begitu juga dengan peguam bela di England.⁷ Tetapi sebaliknya, di Amerika Syarikat mereka telah mula memasukkan jenayah buli siber atau perbuatan sedemikian kepada undang-undang mereka yang sedia ada.⁸

Komen yang telah diberikan di atas adalah bagi menunjukkan kepekaan dan kebimbangan masyarakat di seluruh pelusuk dunia dan bukan sahaja Malaysia tentang bahayanya kegiatan buli siber ini dan secara tidak langsung sebagai suatu seruan kepada Parlimen Malaysia untuk meminda suatu undang-undang berkaitan dengan anti buli siber atau sekurang kurangnya menerapkan aktiviti buli siber ini di dalam undang-undang sedia ada sebagai langkah pencegahan. Langkah yang kedua adalah untuk menentukan erti atau maksud buli siber atau mendefinisikan setiap aktiviti buli siber yang pelbagai caranya supaya dapat dibezakan dengan kegiatan buli secara realiti, di samping mengupas bentuk dan medium yang digunakan di dalam buli siber bagi megurangkan kesukaran dalam mendefinisikan perbuatan buli siber itu menerusi undang-undang. Contoh ilustrasi mengenai insiden insiden buli siber juga patut diterangkan seiring dengan undang-undang yang dibuat dan bahagian ketiga pula adalah meneliti undang-undang sedia ada yang digunakan oleh peguam bela untuk

⁵ ROBIN M. KOWALSKI ET AL., *CYBER BULLYING 2* (2008). *See id.* This will be highlighted from the multiple examples of cyberbullying that are addressed later in this paper.

⁶ *Understanding Cyberbullying: What is Cyberbullying and Why Do Schools Need to Take it Seriously?*, DiGizEN.oRG, <http://old.digizen.org/cyberbullying/fuil1guidance/understanding/default.aspx> (last visited Oct. 08, 2012)

⁷ *Understanding Cyberbullying: What is Cyberbullying and Why Do Schools Need to Take it Seriously?*, DiGizEN.oRG, <http://old.digizen.org/cyberbullying/fuil1guidance/understanding/default.aspx> (last visited Oct. 08, 2012)

⁸ Ashley Surdin, *In Several States A Push to Stem Cyber-bullying*, WASH.POST, Jan. 01 2013, at A03 available at <http://www.washingtonpost.com/wp-dyn/content/article/2008/12/31/AR2008123103067.html>.

menghukum mereka yang melakukan buli siber dan juga melihat kepada undang-undang yang sedia ada telah dibuat di negara lain sebagai contoh untuk membendung aktiviti ini. Akhirnya bahagian ke empat ialah bahasa yang parlimen Malaysia gunakan untuk menerapkan undang-undang buli siber ini kepada undang-undang sedia ada cukup untuk mensabitkan pembuli pembuli ini dengan sabitan jenayah dan juga menghalang apa apa aktiviti siber buli di masa hadapan.

2.2.1 Apa itu Buli Siber?

A. Definisi Buli Siber

Buli siber adalah satu fenomena yang agak baru di seluruh dunia yang tidak mempunyai definisi yang sejagat.⁹ Di England, buli siber ditakrifkan sebagai “penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), khususnya telefon mudah alih dan internet dengan sengaja untuk memudaratkan orang lain.”¹⁰ Di Amerika Syarikat pula buli siber adalah ditakrifkan sebagai “kemudatan yang dilakukan dengan sengaja dan berulang kali melalui menggunakan komputer, telefon bimbit, dan lain-lain alat elektronik kepada seseorang.”¹¹ Walaupun definisi yang diberikan oleh kedua dua negara adalah seakan akan serupa, terdapat satu perbezaan utama pada definisi yang diutarakan oleh Amerikan Syarikat iaitu ia memberi tumpuan kepada “kemudatan yang dilakukan dengan berulang kali dan sengaja” manakala England memberi tumpuan kepada memudaratkan seseorang dengan tidak perlu keperluan pengulangan sama juga dengan seksyen 233 Akta komunikasi dan Multimedia 1998 yang tidak menekankan kepada “perbuatan yang dilakukan secara berulang kali”. Di Malaysia pula kita tidak mempunyai statut yang khusus untuk mendefinisikan erti buli siber itu sendiri, apa yang boleh digunakan untuk mentakrifkan aktiviti buli siber ini adalah dapat dilihat di bawah

⁹ Karly Zande, *When the School Bully Attacks in the Living Room: Using Tinker to Regulate Off-Campus Student Cyberbullying*, 13 BARRY L. REV. 103, 106 (2009).

¹⁰ *What is Cyberbullying and Why Do Schools Need to Take it Seriously?*, TEACHER.NET (Sept. 21, 2012), <http://www.teachernet.gov.uk/wholeschool/behaviour/tacklingbullying/cyberbullying/understandingcyberbullying/whatiscyberbullying>. *Quote*: “Cyberbullying is not a criminal offense so there is no statutory definition for the term. However, schools have been attempting to curb cyberbullying, and the Department of Education through the Department for Children, Schools and Families has come up with this definition.”

¹¹ This is how the Cyberbullying Research Center has defined cyberbullying. This is the definition created by Dr. Sameer Hinduja and Dr. Justin Patchin who have been studying and researching cyberbullying since 2002. They have written numerous articles and have presented nationally and internationally on the topic of cyberbullying. Their research has involved data from approximately 10,000 youth regarding their experiences with cyberbullying offending and victimization. Their work has been featured in many national and international news programs and outlets." Sameer Hinduja & Justin W. Patchin, *Cyberbullying: Identification, Prevention and Response*, CYBERBULLYING.US, http://www.cyberbullying.us/CyberbullyingIdentificationPreventionResponseFact_Sheet.pdf (last visited Oct. 08, 2012).

seksyen 223, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang tertulis “penyalahgunaan kemudahan atau perkhidmatan jaringan. Sebarang komen, permintaan, atau mana-mana komunikasi yang berbaur lucah, kurang sopan, tidak benar, mengganggu atau menyinggung perasaan dengan niat untuk menyerang peribadi, menyalahguna, mengugut dan menyakitkan orang lain adalah satu jenayah.”¹² Di mana di dalam seksyen ini penggunaan perkataan seperti “penyalahgunaan kemudahan atau perkhidmatan jaringan” adalah agak kabur dan sukar untuk mendefinisikan aktiviti yang boleh dikategorikan sebagai buli siber.

B. Persamaan Antara Buli Tradisional dan Buli Siber

Walaupun secara umumnya buli siber dan buli tradisional adalah berbeza, namun kedua-duanya berkongsi tiga persamaan yang utama.¹³ Dalam kedua-dua bentuk, “(a) tingkah laku yang dilakukan adalah agresif, (b) terdapat ketidakseimbangan kuasa antara mangsa dan pelaku dan (c) tingkah laku adalah diulangi.”

Dari segi tingkah laku agresif, buli tradisional menggabungkan tiga bentuk pencerobohan: "fizikal ... lisan ... dan emosi dan psikologi.”¹⁴ Bentuk terakhir ini adalah persamaan asas antara buli tradisional dan buli siber, yang diketengahkan oleh kaedah dan bentuk-bentuk yang telah dinyatakan sebelumnya.

Selalunya, buli di sekolah akan terjadi antara kanak-kanak dominan yang mempunyai keupayaan untuk melepaskan kuasa, kawalan, dan ketakutan ke atas kanak-kanak yang lebih pasif. Seperti yang sama, ketidakseimbangan kuasa juga wujud di alam siber, walaupun terdapat potensi untuk tradisional/stereotaip ciri-ciri pembuli untuk diambil alih oleh kanak-

¹² S223, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

¹³ ROBIN M. KOWALSKI ET AL., *CYBER BULLYING 2* (2008), at 61-62.

¹⁴ NANCY E. WILLARD, *CYBERBULLYING AND CYBERTHREATS: RESPONDING TO THE CHALLENGES OF ONLINE SOCIAL AGGRESSION, THREATS, AND DISTRESS* (2007). Quote: “Physical includes hitting, kicking, spitting, pushing, and taking personal belongings, verbal includes taunting, name-calling, teasing and threats, and emotional and psychological includes spreading rumors, manipulating, social relationships, social exclusion, and extortion.”

kanak yang lebih pasif pula.¹⁵ Sebagai contoh, baru-baru ini, trend membuli di alam siber telah menunjukkan bahawa guru telah semakin mula menjadi sasaran pembuli siber.¹⁶

Satu kajian yang dijalankan di England menyatakan yang “daripada 630 guru dan kakitangan sekolah menengah,¹⁷ kajian telah mendapati bahawa 15% daripada mereka adalah mangsa kepada pembulian di dalam talian..pelajar telah menubuhkan telah melakukan suatu kumpulan “benci” di laman rangkaian sosial dan meminta untuk guru-guru tertentu dipecat dan telah pun mencipta profil palsu dalam nama-nama mereka yang mengandungi maklumat fitnah”. Lebih membimbangkan apabila ada insiden dimana seorang pelajar telah mencipta halaman Facebook menggunakan nama guru tersebut, dan menyenaraikan “seks bawah umur dengan kedua-dua lelaki dan perempuan” sebagai salah satu kelebihan beliau di dalam profil palsu tersebut. Terdapat juga kumpulan yang bergerak secara agresif yang ditubuhkan oleh pelajar pelajar ini dengan hanya bertujuan untuk menjatuhkan guru-guru yang sememangnya tegas lagi kompeten dan memaksa pihak pihak tertentu untuk memecat guru-guru ini.

Pengulangan, iaitu persamaan yang terakhir, menunjukkan bahawa mungkin buli secara siber tidak sejelas seperti dalam kes-kes di dalam buli tradisional,¹⁸ namun, sama seperti pembulian di sekolah, yang boleh berlaku setiap hari, mangsa buli siber mungkin telah berulang kali bertemu dengan tormentors mereka kerana mesej yang diterima di halaman internet adalah susah untuk dielakkan dan post-post yang kejam ditulis di dalam talian tersebut adalah bersifat kekal di dalam alam siber. Dalam takrif definisi yang diberikan oleh Amerika Syarikat berkenaan dengan buli siber di mana penggunaan perkataan 'kemudaratan yang diulangi' adalah tidak layak untuk diterima; Namun begitu, pengulangan boleh membawa maksud tindakan berlainan dan berganda pada masa yang sama hinggalah menyebabkan kemudaratan, atau yang lain ialah membawa maksud perbuatan tunggal yang menyebabkan kemudaratan pada masa yang berlainan, dan salah satu daripada perbuatan tersebut boleh ditakrifkan sebagai, 'kemudaratan yang diulangi'. Sebaliknya, definisi England cyberbullying, yang tidak mempunyai keperluan nyata mengenai perbuatan pengulangan

¹⁵ ROBIN M. KOWALSKI ET AL., *CYBER BULLYING 2* (2008), at 62. Quote: “In online bullying, a child or person who would wield very little power in face-to-face interactions with the target victim, may wield far more power and be more fearful in cyberspace.”

¹⁶ Rachel Williams, *Teachers Suffer Cyberbullying by Pupils*, THE GUARDIAN, Mar. 30, 2012, <http://www.guardian.co.uk/education/2010/mar/30/teachers-bullied-online>.

¹⁷ The American equivalent of secondary schools are high schools.

¹⁸ ROBIN M. KOWALSKI ET AL., *CYBER BULLYING 2* (2008), at 62. Quote: “For example, the victim may be unable to escape just one nasty email or inflammatory text message because it has been forwarded to many people, or because the victim can hold on to the physical evidence of that message, reread it, and relive the pain it caused.

begitu juga di Malaysia, di sini ada sedikit lompongan di dalam undang-undang kita di mana kemudaratan yang terjadi kepada mangsa adalah bersifat kekal disebabkan apabila mangsa menerima mesej mesej benci yang dihantar kepadanya melalui Internet atau telefon bimbit mesej tersebut kemudiannya disiarkan kepada orang orang lain pula.

C.PERBEZAAN

Walaupun, objektif yang ditemui pada buli siber adalah sama dengan buli tradisional, termasuklah melepaskan kuasanya kepada mangsa, namun ciri-ciri dan method yang digunakan oleh membuli adalah berbeza.

1. Anonimiti

Salah satu ciri-ciri buli siber yang paling berkuasa dan membimbangkan ialah anonimiti.¹⁹ Seseorang mangsa buli di taman permainan itu akan tahu identiti pembulinya atau sekurang-kurangnya tahu apa rupa pembulinya. Tetapi sebaliknya, apabila pembuli bertindak dalam talian, walaupun mangsa mungkin mempunyai idea siapa pembuli tersebut, namun tanpa mengetahui identiti sebenar pembuli, mangsa mungkin merasa tidak selesa, tidak percaya, dan beragu-ragu kepada semua hubungan persahabatannya dengan sesiapa pun.²⁰

Tambahan pula, mesej atau ucapan yang dihantar tanpa nama yang mengandungi perkataan-perkataan yang lebih serius seperti ancaman dan dalam masa yang sama meningkatkan tahap ketakutan yang diterapkan pada mangsa kerana ketidakupayaan mangsa untuk mengukur betapa seriusnya ancaman tersebut.²¹ Baru-baru ini kajian yang dijalankan oleh Institut Kesihatan Kebangsaan di England telah menunjukkan bahawa mangsa terhadap buli siber boleh mengalami tahap kemurungan yang lebih tinggi berbanding yang mereka yang mangsa kepada buli tradisional kerana serangan dalam talian yang lebih berkemungkinan untuk meninggalkan mangsa dengan perasaan dipinggirkan, sendiri atau

¹⁹ *Understanding Cyberbullying: What is Cyberbullying and Why Do Schools Need to Take it Seriously?*, DiGizEN.oRG, <http://old.digizen.org/cyberbullying/fullguidance/understanding/default.aspx> (last visited Oct. 08, 2012)

²⁰ *Understanding Cyberbullying: How is Cyberbullying Different to Other Forms of Bullying?*, DIGIZEN.ORG, <http://old.digizen.org/cyberbullying/fullguidance/understanding/forms.aspx> (last visited Oct. 08, 2012).

²¹ Kate E. Schwartz, *Note, Criminal Liability for Internet Culprits: The Need for Updated State Laws Covering the Full Spectrum of Cyber Victimization*, 87 WASH. U. L. REV. 407, 416 (2009); Robin M. Kowalski & Susan Limber, *Electronic Bullying Among Middle School Students*, 41 J. ADOLESCENT HEALTH S22, S23 (2007)

tidak berguna.²² Walaupun ia tidak mustahil untuk mencari pesalah melalui perbelanjaan, masa dan sumber-sumber yang membantu, kesukaran dalam mengenal pasti seseorang pembuli siber itu telah membuatkan hukuman yang akan dikenakan menjadi lebih mencabar.²³

Selain itu, kekangan peribadi seseorang boleh dengan mudah diatasi dalam persekitaran ruang siber, contohnya, keupayaan untuk menghantar tanpa nama membolehkan pelaku mengganggu atau mengancam mangsa dan untuk mengatasi perasaan ragu-ragu, keengganan, atau kurang berkuasa yang boleh pembuli hadapi apabila menghadapi mangsa secara muka-ke-muka.²⁴ Jika dibandingkan dengan interaksi secara muka-ke-muka, kesan yang terjadi kepada mangsa buli siber atau tindak balas emosi mangsa kepada komen yang diberikan oleh pembuli siber seperti menangis tidak dapat dilihat oleh pembuli berbanding dengan pembuli secara tradisional.²⁵ Jarak emosi antara pembuli dan mangsa ini telah membuat mangsa kekangan dalam penghasilan konteks untuk berkomunikasi, dan kadangkala, apa yang mungkin dimaksudkan sebagai jenaka oleh penghantar tidak boleh diterima oleh penerima itu, menyebabkan perasaan penerima yang menerima mesej di dalam talian itu berasa kecewa atau tersinggung.

Secara keseluruhan, walaupun anonimiti tidak menjejaskan keupayaan untuk memohon undang-undang anti-buli siber untuk semua incident yang adanya aktiviti-aktiviti anonimity ini namun undang-undang ini juga masih boleh digunakan bagi kes-kes di mana identiti pelaku boleh dikenali. Langkah pertama ke arah membendung gejala buli siber ini ialah menghukum pembuli siber dengan segera yang boleh atau telah dikenal pasti.

²² Stephanie Chen, *In a wired world, children unable to escape cyberbullying*, CNN.com (Oct. 05, 2012), <http://www.cnn.com/2010/LIVING/10/04/youth.cyberbullying.abuse/index.html>; *Depressions Among Youth Victims in School and Cyberbullying and How to Control it*, NIH.Gov (Sept. 21, 2012), <http://www.nih.gov/news/health/sep2010/nichd-21.htm>.

²³ *See id.* Quote: "Cyberbullies are often able to remain anonymous because they can hide behind an email address. Software such as eMailTrackerPro can trace the computer that an email came from and automatically report harassing emails to the cyberbully's ISP." *Using the Internet to Harass, Intimidate, Embarrass, or Demean Others*, MYSECURECYBERSPACE.COM, <http://www.mysecurecyberspace.com/encyclopedia/index/cyberbullying.html> (last visited Jun 12, 2012).

²⁴ Naomi Harlin Goodno, *Cyberstalking, A New Crime: Evaluating The Effectiveness Of Current State And Federal Laws*, 72 Mo. L. REV. 125, 130 (2007).

²⁵ Kate E. Schwartz, Note, *Criminal Liability for Internet Culprits: The Need for Updated State Laws Covering the Full Spectrum of Cyber Victimization*, 87 WASH. U. L. REV. 407, 416 (2009); Robin M. Kowalski & Susan Limber, *Electronic Bullying Among Middle School Students*, 41 J. ADOLESCENT HEALTH S22, S23 (2007). Quote: "The potential threat of anonymity provided by the internet is compounded by the fact that people cannot see the target's emotional reactions. Thus, reactions such as crying, which might lead people to realize that their comments have been carried too far or misinterpreted, are no longer visible."

2. Skop

Satu lagi perbezaan yang ketara antara buli tradisional dan buli siber adalah skopnya. Dari satu segi, mangsa dan pembuli siber itu boleh dipisahkan antara satu sama lain dengan beribu-ribu batu, tetapi kerosakan yang diterjadi kepada mangsa boleh seakan sama seolah-olah mereka berkomunikasi muka-ke-muka, terutamanya jika identiti pelaku tidak diketahui. Melalui Internet, ia kini hanya memerlukan satu klik tetikus untuk berkomunikasi dengan berjuta-juta pengguna di seluruh dunia secara sekelip mata. Tidak seperti kaedah buli tradisional yang terhad kepada interaksi beberapa orang sahaja, dengan era siber ini orang ramai kini tidak lagi terhad dengan kekuatan jumlah suara mereka.²⁶

Oleh itu, apabila ucapan menyakitkan dipaparkan di laman web, ucapan yang menyakitkan atau memalukan seolah-olah terpampang luas untuk satu dunia melihatnya dan bahayanya kepada mangsa adalah ia terbuka kepada orang awam untuk bertindak juga sebagai pembuli dan bulian itu berlaku secara berterusan oleh berjuta-juta pengguna lain, membuatkan kesan kepada mangsa lebih mendalam dan menyakitkan.²⁷ Hal ini boleh dikaitkan semula dengan konsep pengulangan-walaupun mungkin mesej yang diberikan hanya sekali, potensi kesan yang akan dikenakan ke atas mangsa berkenaan akan berulang dengan orang yang berbeza-beza.

Salah satu buruknya buli dalam talian ini ialah dengan adanya kehadiran berjuta-juta penonton di seluruh dunia ia telah membuatkan mangsa susah melarikan diri dari bulian siber. Tidak seperti mangsa buli di sekolah, mangsa buli siber tidak dapat mencari ketenangan di rumah kerana banyak daripada aktiviti yang dijalankan adalah diluar sekolah dan boleh menembusi rumah.²⁸ Orang ramai kini telah mula mengekses Internet melalui telefon mudah alih mereka, dan walaupun seseorang boleh memutuskan medium pengeksesan kepada mesej mesej yang menyakitkan itu, namun pada minit mangsa menyambung semua talian internet tersebut, mereka akan berhadapan dengan beribu mesej yang terkumpul yang selama ini cuba dielakkan.

Bukan sahaja tindakan buli siber ini bertindak secara global, ia juga tidak dapat dielakkan, mereka boleh kadang-kadang menjadi hasil daripada pemikiran yang cetek dan

²⁶ Scott Hammack, Note, *The Internet Loophole: Why Threatening Speech On- Line Requires A Modification Of The Courts' Approach To True Threats And Incitement*, 36 COLUM. J.L. & Soc. PROBS. 65, 81 (2002).

²⁷ Naomi Harlin Goodno, *Cyberstalking, A New Crime: Evaluating The Effectiveness Of Current State And Federal Laws*, 72 Mo. L. REV. 125, 130 (2007). At 129

²⁸ ROBIN M. KOWALSKI ET AL., *CYBER BULLYING 2* (2008). At 83

kurangnya renungan pada impak perbuatan.²⁹ Sebelum penggunaan Internet, akan ada masa tertangguh antara permulaan, percakapan, dan penyebaran pemikiran, yang membolehkan seseorang untuk memikirkan kesan kata-katanya dan menahan dirinya jika perlu. Sifat Internet yang serta merta kini membolehkan orang ramai untuk menghantar e-mel dan menghantar mesej tanpa renungan seketika, dan dalam banyak kes, mesej tersebut menjadi hampir mustahil untuk mendapatkan semula atau membatalkannya. Kata-kata yang juga disiarkan tanpa belas kasihan dan kurangnya keperihatinan penonton telah dengan masa yang sama menambah lagi kepada kesan terhadap mangsa.

D. Jenis-Jenis dan Medium yang Digunakan oleh Buli Siber

Dalam usaha untuk menulis undang-undang anti-buli siber dengan berkesan, penggubal undang-undang perlu sedar akan teknologi dan medium yang digunakan untuk melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti buli di dalam talian.³⁰ Cox Communication telah menjalankan suatu kajian ke atas kanak-kanak berumur 13-18 tahun dan mendapati bahawa 15% daripada remaja telah dibuli di dalam talian dan 10% melalui telefon bimbit mereka. Selanjutnya, 7% daripada remaja mengaku telah membuli di dalam talian, dan 5% mengakui pernah membuli yang lain dengan menggunakan telefon bimbit mereka.⁵³ Internet dan telefon bimbit boleh digunakan dalam cara yang berbeza oleh pembuli siber, termasuk penggunaan rangkaian sosial seperti MySpace, Facebook, Bebo dan Twitter.³¹

1. Rangkaian Media Sosial

Banyak kes buli siber yang popular didengari sehingga sampai ke telinga negara-negara di peringkat antarabangsa ialah apabila sesuatu kegiatan buli siber itu adalah melibatkan remaja dibuli di laman web rangkaian sosial. Kekerapan kegiatan buli siber berlaku di rangkaian sosial boleh dikait rapat dengan hakikat yang berjuta-juta orang adalah pengguna

²⁹ Scott Hammack, Note, *The Internet Loophole: Why Threatening Speech On-Line Requires A Modification Of The Courts' Approach To True Threats And Incitement*, 36 COLUM. J.L. & Soc. PROBS. 65, 81 (2002). pp 83

³⁰ In reality, it is difficult to determine which form and medium is the most common as different studies produce different results. This difference in results is based on variances in the definitions of cyberbullying used by researchers, the ages and characteristics of the children who participated, and the time frame that is involved during the incident. *Cyberbullying*, STOPBULLYINGNOW.HRSA.gov.com, <http://www.stopbullyingnow.hrsa.gov/adults/cyber-bullying.aspx> (last visited Oct. 10, 2012).

³¹ *Top 5 Technologies Used to Cyberbully*, CYBERBULLYALERT.COM (Aug. 27, 2012), <http://www.cyberbullyalert.com/blog/2008/08/top-5-technologies-used-to-cyberbully/>.

aktif suatu rangkaian laman web sosial, dan seseorang yang aktif itu akan menghabiskan masa yang begitu banyak dalam laman sosial tersebut.³²

Biro Penyiasatan Persekutuan di England telah menakrifkan rangkaian laman web sosial sebagai "laman web yang menggalakkan orang ramai untuk menyiarkan profil diri sendiri besertakan dengan gambar, minat, dan juga jurnal mereka supaya mereka dapat menenali rakan-rakan yang sama pemikiran dengan mereka."³³ Maklumat yang disiarkan di rangkaian talian telah membolehkan pengguna lain untuk melihat apa yang sedang mereka lakukan, siapa rakan-rakan mereka, apa yang mereka minat dan kurang berminat, status hubungan mereka, bagaimana mereka pada hari tersebut dan sebagainya.³⁴ Dengan adanya maklumat tersebut, pembuli siber boleh mencapai penonton yang besar yang mempunyai hubungan rapat dengan mangsa tanpa perlukan apa apa usaha tambahan.³⁵ Pesalah boleh dengan mudahnya berkongsi gambar yang memalukan, video, dan juga komen dengan berjuta-juta orang dengan hanya satu klik butang, menggambarkan betapa ramainya penonton buli siber boleh capai pada suatu masa dan ketidakupayaannya untuk menarik semula mesej itu selepas ia disiarkan.

Banyak insiden buli siber melibatkan komen yang dihantar oleh pembuli aiber tentang mangsa dan menyiarkannya di laman rangkaian sosial. Sebagai contoh, Sam Leeson dan Holly Grogan, di mana kedua-duanya membunuh diri di England selepas mereka menerima mesej yang bersifat abusif dipaparkan di profil mereka. Sam, yang berusia tiga belas tahun, adalah menjadi sasaran pengguna-pengguna Bebo³⁶ kerana cita rasanya yang berbeza dalam muzik dan penampilannya yang sedikit alternatif.³⁷ Ibubapa Sam tidak mengetahui sejauh mana anak mereka telah dibuli sehingga mereka memeriksa profilnya selepas kematian anaknya tersebut. Para pengguna Bebo yang telah membuli Sam, sejak itu meninggalkan mesej-mesej minta maaf ke atas apa yang telah mereka mencatatkan, tetapi permohonan maaf

³² For example, currently Facebook alone currently has 500 million active users, with the average user having about 130 Facebook "friends." Users spend 700 billion minutes on the website per year. Press Release, FACEBOOK.COM, Statistics <http://www.facebook.com/press/info.php?statistics#!/press/info.php?statistics> (last visited Oct. 11, 2012).

³³ *Social Networking Sites: Online Friendships Can Mean Offline Peril*, FBI.GOV (July. 3, 2012), http://www.fbi.gov/news/stories/2006/april/social_networking040306.

³⁴ ROBIN M. KOWALSKI ET AL., *CYBER BULLYING 2* (2008). pp 53

³⁵ Edward Labarge, *Top 7 Technologies Used by Cyberbullies*, ASSOCIATEDCONTENT.COM, (July 08, 2012), http://www.associatedcontent.com/article/5521024/top_7_technologies_used_bycyberbullies.html?cat-15.

³⁶ Bebo is a popular social networking site that allows users to create profiles and share digital content with other users. *About Bebo*, BEBO.CO.M, <http://www.bebo.com/c/about> (last visited Feb. 12 2011).

³⁷ *Boy, 13, 'Hanged Himself After He Was Bullied On Bebo For Being A Fan Of Emo Music'*, DAILY MAIL, (June 11, 2008), <http://www.dailymail.co.uk/news/article-1025654/Boy-13-hanged-bullied-Bebo-fan-Emo-music.html>.

tiada gunanya dilakukan kerana kemudaratan tersebut telahpun berlaku dan tiada apa yang boleh dilakukan untuk kembalikan anak mereka yang telah hilang. Namun, permohonan maaf ini sedikit sebanyak dapat menunjukkan bahawa pengguna yang telah menghantar mesej itu tidak mempunyai niat untuk menyebabkan apa-apa kemudaratan kepada mangsa tetapi menekankan bahaya cyberbullying dari segi jarak emosi di antara pengguna rangkaian sosial, dan bagaimana pelaku adalah terhad untuk mengukur betapa menyakitkan komen mereka kepada mangsa.

Holly yang berumur lima belas tahun pula telah membunuh diri dengan melompat dari dari sebuah jambatan. Hal ini adalah dipercayai terjadi berikutan daripada penyalahgunaan laman rangkaian web sosial oleh pengguna yang dipaparkan di laman Facebooknya.³⁸ Holly pada mulanya dibuli di sekolah dan kemudiannya merebak ke dunia siber. Pelajar-pelajar di sekolah telah bersatu untuk membulinya, manakala yang lain pula mencatatkan mesej dengan kata-kata yang kesat pada profil Facebooknya. Sorotan kejadian Holly ini, telah dapat disimpulkan yang impak yang terjadi kepada seseorang yang dibuli disekolah tidak terhenti di situ sahaja malah terbawa-bawa hingga ke rumah dan tidak dapat dinafikan bahawa buli siber mempunyai kuasa untuk buli bukan sahaja di luar taman permainan malah menembusi masuk ke dalam rumah mangsa, dan juga keupayaan untuk menggalakkan mereka yang tidak melibatkan diri dalam buli tradisional untuk membuli dalam talian mangsa.

2. SMS

Satu lagi medium yang biasa digunakan untuk pembuli siber adalah melalui Mesej Mudah Perkhidmatan, atau SMS (mesej pesanan ringkas). Satu kajian yang telah dilakukan oleh Pew Research Centre's Internet & American Life Project mendapati bahawa 75% daripada kanak-kanak antara lingkungan 12-17 tahun mempunyai telefon bimbit, dan mesej teks digunakan terutamanya untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan.³⁹ Menghantar teks adalah cara yang berkesan dan berfungsi untuk meghubungkan antara satu sama lain melalui pertukaran mesej ringkas. Masalahnya ialah apabila mesej ringkas ini tidak hanya digunakan untuk

³⁸ Steve Bird, *Holly Grogan, 15, leapt to her death 'after abuse from Facebook bullies'*, THE TIMES, (Sept. 21, 2009), <http://www.timesonline.co.uk/tol/news/uk/article 6841908.ece>.

³⁹ Stephanie Goldberg, *Many Teens Send 100-Plus Texts A Day, Survey Says*, CNN.com (Apr. 20, 2010) http://articles.cnn.com/2010-04-20/tech/teens.text.messaging_I_text-messaging-cell-phones-teens?_s=PM:TECH.

membolehkan orang ramai berhubung sesama sendiri. Banyak perkhidmatan Internet kini membolehkan orang ramai untuk menghantar mesej ringkas tanpa nama (mesej anonim), telah menyediakan pembuli siber dengan peluang untuk mengeksploitasi mangsa dengan menghantar mesej-mesej yang mengganggu, menyakitkan, atau menakut-nakutkan.⁴⁰

3. Mesej Pesanan Segera dan E-Mail

Satu lagi medium berasaskan Internet yang digunakan untuk buli siber adalah mesej pesanan segera. Mesej pesanan segera atau IM (instant messaging) merujuk kepada komunikasi pada masa nyata melalui Internet dengan individu yang dikenali melalui rakan atau senarai kenalan.⁴¹ Ada pelbagai cara untuk pembuli siber membuli dalam perkhidmatan IM, termasuk memakai nama skrin dengan nama palsu untuk menghantar mesej berbahaya kepada target sasaran buli, atau menggunakan identiti mangsa secara palsu untuk menghantar apa-apa mesej yang kurang menyenangkan kepada orang lain.

Pengedaran email adalah lebih mudah berbanding IM atau mesej pesanan ringkas yang merupakan cara yang paling kerap digunakan dalam komunikasi digital. E-mel boleh dikemukakan kepada beratus-ratus orang dengan satu klik butang dan penghantar asal boleh kekal tanpa nama atau anonim kerana ketidakupayaan untuk mengesan e-mel kembali kepada siapa yang menghantar pada mulanya. Tambahan pula, seperti dalam perkhidmatan SMS, terdapat banyak perkhidmatan e-mel proksi yang boleh digunakan oleh pembuli siber untuk menutupi identitinya dan membolehkan pembuli untuk mewujudkan akaun e-mel palsu yang digunakan untuk menghantar mesej-mesej yang mengganggu mangsa.⁴²

⁴⁰ Edward Labarge, *Top 7 Technologies Used by Cyberbullies*, ASSOCIATEDCONTENT.COM, (July 08, 2012), http://www.associatedcontent.com/article/5521024/top_7_technologies_used_bycyberbullies.html?cat-15.

“A victim may not recognize the number from which a message is received, raising the issue and stress of anonymity that can compound the victim's anxiety.”

⁴¹ ROBIN M. KOWALSKI ET AL., *CYBER BULLYING 2* (2008). pp 52.

⁴² *Top 5 Technologies Used to Cyberbully*, CYBERBULLYALERT.COM (Aug. 27, 2012), <http://www.cyberbullyalert.com/blog/2008/08/top-5-technologies-used-to-cyberbully/>. “Email proxy servers allow users to send emails anonymously without their personal information being submitted.”

4. *Photoshop*

Suatu medium buli siber yang boleh diterapkan ke dalam hampir semua medium lain yang disebutkan di atas adalah beberapa jenis perisian seperti Photoshop. Pembuli siber boleh menggunakan perisian tersebut untuk mengedit gambar-gambar yang mangsa paparkan di dalam profil rangkaian sosial mereka dengan cara yang berpotensi untuk memalukan mangsa, dan kemudian menggunakan profil mereka sendiri, e-mel, atau perkhidmatan mesej segera untuk mengedarkan gambar-gambar tersebut.

5. Medium lain

Lain-lain medium yang biasa digunakan untuk melakukan buli siber adalah termasuk *chat rooms*, laman web dating dan blog. Semua ini mempunyai ciri-ciri yang sama iaitu mengepos atau menghantar mesej yang berbau menyakiti penerima yang serupa dengan SMS, IM dan E-mel.

E. Metod yang Digunakan untuk Buli Siber

Selain tahu tentang medium yang digunakan oleh pembuli untuk melakukan buli siber, badan perundangan juga harus peka dengan method yang digunakan untuk melakukan kegiatan tersebut.

1. "*Flaming*"

Salah satu daripada method untuk buli siber ialah "*flaming*"⁴³ iaitu selalunya berlaku antara dua orang yang sedang berkomunikasi dan perbualan tersebut berlaku dengan cepat dan menjadi panas dalam masa yang begitu singkat.⁴⁴ "*Flaming*" ini biasanya berlaku dalam forum awam dalam talian atau tetapan, seperti bilik-bilik sembang dan perbincangan

⁴³ *Big Bully: Are You Cyber Bullying?*, SOCIALSAFETY.ORG, <http://www.socialsafety.org/teenscyberbullying.html> (last visited Oct. 1, 2012).

⁴⁴ NANCY E. WILLARD, *CYBERBULLYING AND CYBERTHREATS: RESPONDING TO THE CHALLENGES OF ONLINE SOCIAL AGGRESSION, THREATS, AND DISTRESS* (2007), pp 5.

kumpulan yang melibatkan pertuturan bahasa kesat, kasar dan kadang-kadang meningkat kepada penghinaan dan kata kata yang berbau ancaman.⁴⁵

2. *Gangguan Siber (cyber-harrassment)*

Satu lagi kaedah yang digunakan ialah gangguan. Selalunya, buli siber dan gangguan siber hampir tidak dapat dibezakan antara satu sama lain. Gangguan ditakrifkan sebagai "kata-kata, tingkah laku, atau tindakan [biasanya berulang kali dan konsisten] yang ditujukan kepada seseorang tertentu untuk menyakitkan hati atau menyebabkan tekanan emosi yang mendalam dalam seseorang itu dengan tiada tujuan atau motif yang sah."⁴⁶ Dalam konteks buli siber, ia boleh dilihat sebagai penghantaran mesej yang berulang-ulang kali seperti serangan terhadap mangsa melalui saluran seperti e-mel dan mesej segera, dan forum seperti bilik chat dan dalam kumpulan perbincangan.⁴⁷ Tidak seperti *flaming*, gangguan siber melibatkan penyertaan yang lebih besar oleh pembuli siber dan mangsa hanya mampu mempertahankan dirinya seorang diri untuk mengelakkan komen-komen tersebut terus bertambah. Tambahan pula, oleh kerana tujuan pembuli hanya untuk menyakitkan hati atau menyebabkan kesusahan kepada mangsa, gangguan siber mengambil jangkau masa yang lebih panjang lebih daripada flaming. Gangguan siber juga boleh terjadi dalam bentuk gangguan oleh proksi, di mana pembuli akan mendapat bantuan daripada orang lain untuk melakukan kerja buliannya ke atas mangsa.⁴⁸

Satu contoh utama gangguan siber dalam kes buli siber dapat dilihat dalam kes Keeley Houghton. Dalam keputusan yang dikeluarkan oleh mahkamah tinggi England, Keeley Houghton adalah orang pertama yang dipenjara akibat membuli di dalam talian.⁴⁹ Keeley iaitu seorang remaja yang berumur 18 tahun menerima hukuman tiga bulan di hantar

⁴⁵ NANCY E. WILLARD, *CYBERBULLYING AND CYBERTHREATS: RESPONDING TO THE CHALLENGES OF ONLINE SOCIAL AGGRESSION, THREATS, AND DISTRESS* (2007). Quote: "It may first appear that the power imbalance that is usually present in a bully-victim relationship is absent, with both parties of the flaming being on even playing ground. However, any unsuspected aggressive act or comment by one individual may create that power-imbalance, which is then amplified by the victim who is uncertain as to the identity of the perpetrator and who else he may bring into the heated argument."

⁴⁶ BLACK'S LAW DICTIONARY (9th ed. 2009).

⁴⁷ KOWALSKI, pp 47. Quote: "One form of harassment, referred to as text wars, involves ... a perpetrator(s) [who] sends hundreds or thousands of text messages to the target's cellular phone, leaving the target not only with a slew of harassing messages but with a sizable phone bill as well."

⁴⁸ NANCY E. WILLARD, *CYBERBULLYING AND CYBERTHREATS: RESPONDING TO THE CHALLENGES OF ONLINE SOCIAL AGGRESSION, THREATS, AND DISTRESS* (2007). pp 7

⁴⁹ *Facebook Bully Jailed in Landmark UK Case*, HERALDSUN.COM.AU, Aug. 24, 2012, <http://www.heraldsun.com.au/news/world/facebook-bully-jailed-in-landmark-ukcase/story-e6frf7m6-1225765470374>

ke institusi pesalah muda selepas didakwa di bawah statut undang-undang anti-gangguan kerana menyiarkan "*Keeley is going to murder the bitch. She is an actress. What a f***ing liberty. Emily F***head Moore*" di profil facebook Emily.⁵⁰ Hakim berkata kepada Houghton, "memandangkan Emily Moore adalah 14 tahun, awak telah memberikan ancaman yang melampau dan tekanan emosi keatasnya. Pembuli adalah sebenarnya seorang yang pengecut pada zahiryah, di sekolah dan juga masyarakat. Kejahatan dan kesan kebencian seseorang terhadap pembulinya adalah kekal dan tertanam pada diri seseorang seumur hidup.. awak telah melakukan suatu perbuatan yang tidak berperikemanusiaan tanpa sebab untuk memenuhi kehendak awak sendiri. Dengan ini, Worcester Crown Court merupakan mahkamah pertama di England mengenakan penalti jenayah ke atas pelaku buli siber, melalui undang-undang anti-gangguan.

3. *Intipan siber (cyber-stalking)*

Intipan siber merujuk kepada suatu tindakan atau perbuatan yang melakukan intipan ke atas sesuatu aktiviti di dalam rangkaian internet yang membolehkan individu mengaplikasikan semua yang terdapat di dalam internet. Ia merujuk kepada semua penggunaan internet, e-mail atau komunikasi elektronik dan alat-alat untuk mengintip seseorang individu. Ia juga melibatkan suatu perbuatan mengganggu atau mencerooboh hak seseorang dengan menghintip dan mencuri data-data peribadi dan dokumen penting dan perbuatan mengintip itu perlu dilakukan secara berulang kali. Intipan siber biasanya dilakukan dalam tiga cara iaitu intipan e-mail⁵¹, intipan internet⁵² dan juga intipan komputer.⁵³

Intipan email merujuk kepada tingkah laku pengiriman email yang tidak dikenali pengirimnya. Intipan melalui email boleh berpunca daripada niat untuk memulakan sesuatu perhubungan, membaiki perhubungan atau menakutkan seseorang. Dalam erti kata lain, ia

⁵⁰ Kaya Burgess, *Cyberbully Keeley Houghton Gets 3 Months for Facebook Death Threats*, THE TIMES (Aug. 22, 2012), <http://www.timesonline.co.uk/tol/news/uk/crime/article6805567.ece>. Quote: "Houghton tried to defend the posting of the comment by saying she had done so under the influence of alcohol late at night, but investigations showed that the posting had occurred in the afternoon and had remained on the site for 24 hours.

⁵¹ Burgess, A., Baker, T., Greening, D., Hartman, C., Burgess, A., Douglas, J. and Halloran, R. 1997, *Stalking behavior Within Domestic violence, Journal of Family Violence*, vol. 12, no.4, pp. 389-403.

⁵² Laughren, J. 2000 *Cyber Stalking Awareness and Education*. Atas talian: <http://www.acs.ucalgary.ca/~dabrent/380/webproj/jessica.html> (10 October 2012)

⁵³ Karp, H. 2000. Angels Online. Readers Digest, pp 34-40.

merupakan komunikasi terus melalui email.⁵⁴ Intipan internet pula merujuk kepada kecenderungan menggunakan internet untuk menfitnah dan mengugut mangsa mere. Ia lebih bersifat komunikasi secara global menerusi internet. Intipan email dan internet inni mencabuli hak individu kerana pengintip mengawal fungsi internet mangsa. Manakala intipan komputer pula merujuk kepada seseorang tanpa kebenaran mengawal komputer pihak lain.

Perlakuan intipa siber perlu dibezakan dengan gangguan dalam talian. Intipan siber adalah sebarang penggunaan elektronik termasuklah alat kelui, telefon selular, email atau internet untuk membuli, mengganggu dan mengancam mangsa.⁵⁵ Manakala gangguan dalam talian pula boleh dibahagi kepada dua iaitu gangguan secara langsung atau gangguan secara tidak langsung. Gangguan secara langsung termasuklah sebarang perlakuan untuk mengugut, membuli atau menghantar mesej yang mengancam secara langsung kepada mangsa menerusi email atau apa-apa medium komunikasi internet dan penggunaan teknologi untuk mengacau penggunaan internet mangsa seperti penggodaman (hacking), pencerobohan (intrusion) atau halangan penyampaian perkhidmatan (denial of service) iaitu ancaman ke atas keselamatan sistem komputer di mana perkhidmatan pemprosesan maklumat sengaja dinafikan terhadap pengguna sistem. Ia melibatkan sebarang tindakan yang menghalang sistem daripada berfungsi secara normal. Gangguan secara tidak langsung lebih kurang sama dengan gangguan secara langsung tetapi tidak terhad kepada menyebarkan khabar angin berkenaan mangsa dalam kepelbagaian perbincangan forum di internet, melanggan mangsa kepada perkhidmatan dalam talian yang tidak diingini, menghantar informasi mengenai mangsa kepada perkhidmatan pertemuan sosail atau menghantar mesej kepada orang lain menggunakan nama mangsa.⁵⁶

Dalam erti kata lain, perbezaan utama yang boleh dilihat antara perlakuan intipan siber dan gangguan dalam talian ialah wujudnya ciri-ciri pengejaran (pursuit) dan ketakutan (fear). Intipan siber juga boleh wujud pada satu tingkah laku yang berterusan yang mengakibatkan mangsa merasa cemas (apprehensive) dan takut.⁵⁷ Walaubagaimanapun tidak semua penganggu atas talian atau pembuli siber adalah terlibat dalam aktiviti intipan siber

⁵⁴ Ogilvie, E., *The internet and Cyberstalking* – Paper presentd at the Stalking: Criminal Justice Responses Conference convened by the Australian Institute of Criminology and held in Sydney 7-8 December 2000. Atas Talian: <http://www.aic.gov.au/conferences/stalking/Ogilvie2.pdf> (10 October 2012)

⁵⁵ Randy McCall. *Online harassment and Cyberstalking: Victim access to ccrisis, referral and upport services in Canada concepts and recommendations.*

⁵⁶ David Harvey. 2003. *Cyberstalking and internet harrasement : What The Law Can Do.* Atas Talian: www.netsafe.org.nz/Doc_Library/netsafe_papers_davidharvey_cyberstalking.pdf (6 October 2012)

⁵⁷ Ogilvie, E, 2002. *Cyberstalking. Trends and Issues in Crime and Criminal justice*, Research and Public Policy Series, Australian Institute of Criminology, Canberra.

atau sebaliknya tetapi intipan adalah merupakan salah satu cara atau kaedah yang pembuli gunakan untuk buli secara siber.⁵⁸

4. *Fitnah*

Blog adalah jurnal online. Menulis bog adalah salah satu cara yang menyeronokkan bagi remaja-remaja mahupun orang dewasa untuk bercerita pendapat mereka atau tidakpun menceritakan tentang diri mereka seperti menulis jurnal di rumah. Walaubagaimanapun, remaja mahupun orang dewasa kadang kala menyalahgunakan perkhidmatan blog ini untuk menjatuhkan reputasi orang lain atau menyerang privasi mangsanya. Menyebarkan fitnah melalui blog atau laman web sosial adalah merupakan salah satu kaedah yang paling sering digunakan oleh pembuli siber untuk menyempurnakan aktiviti mereka. Sebagai contoh, terdapat suatu kes di mana kanak-kanak remaja lelaki ini telah membuat beberapa blog menceritakan tentang perpecahan hubungan dengan bekas teman wanitanya, dan kemudiannya menceritakan apa yang telah dia lakukan untuk memusnahkan hidup bekas teman wanitanya termasuklah menfitnah, memanggil dengan nama-nama yang kesat bagi menjatuhkan maruah bekas teman wanitanya tersebut. Ramai rakan-rakan bekas teman wanitanya membaca blog yang ditulis oleh lelaki tersebut dan mula memulaukan remaja perempuan yang menjadi mangsa buli siber ini. Dia berasa malu dan menghidap tekanan emosi akibat perbuatan lelaki tersebut yang telah menyiarkan gambar yang telah diedit dan juga informasi palsu untuk memalukannya. Ada juga insiden di mana seseorang sengaja menubuhkan sebuah laman blog atau profil berpura-pura menjadi mangsa mereka dan mengatakan perkara-perkara yang memalukan dan direka-reka hanya untuk mengaibkan mangsa mereka.

5. *Menghantar Gambar-Gambar Lucuh Melalui E-mail dan Telefon Bimbit*

Menghantar gambar-gambar lucuh melalui e-mail dan telefon bimbit juga merupakan salah satu cara yang sering digunakan oleh pembuli siber untuk membuli mangsanya. Menurut

⁵⁸ David Harvey. 2003. Cyberstalking and internet harrasement : What The Law Can Do. Atas Talian: www.netsafe.org.nz/Doc_Library/netsafe_papers_davidharvey_cyberstalking.pdf (6 October 2012)

kajian yang telah dijalankan oleh Cyber Security Malaysia⁵⁹, banyak kes yang tidak dilaporkan dimana remaja-remaja sendiri menghantar email secara pukal (mass email) kepada pengguna-pengguna internet termasuklah gambar-gambar lucah seperti gambar bogel, pornografic dan sebagainya yang sememangnya dihantar untuk memalukan dan menjatuhkan maruah mangsanya. Hal ini adalah begitu membimbangkan kerana, sekali sahaja email sebegini dihantar, ia akan sampai ke akaun berjuta-juta pengguna lain dalam masa beberapa minit sahaja dan tidak ada satu cara pun untuk menahan ke mana email itu pegi.⁶⁰

Perbuatan menghantar gambar-gambar atau mendedahkan informasi-informasi peribadi tentang mangsa selalunya berkait rapat dengan mangsa yang pernah memberi gambar dan informasi peribadinya semasa melalui perhubungan yang dia percayai sebelum itu, kemudian orang tersebut telah menyebarkan kepada pihak ketiga. Sebagai contoh dengan menyebarkan gambar-gambar dan informasi yang kemungkinan boleh memalukan mangsanya kepada beribu-ribu pengguna internet atau pun menyebarkan melalui mesej segera (*instant message*).⁶¹

Pada tahun 2010, seorang pelajar universiti di Amerika Syarikat telah membunuh diri akibat incident penyebaran informasi-informasi yang memalukan tentang dirinya di internet. Kira-kira jam 8:45 malam pada 22 September, Tyler Clementi⁶² telah menulis mesej di profil Facebooknya yang berbunyi “*Im jumping of the George Washington Bridge, sorry*” dan beberapa jam kemudian, Tyler telah melompat dari jambatan George Washington ke dalam Sungai Hudson.⁶³ Semuanya bermula apabila rakan sebiliknya, Dharun Ravi menulis mesej di halaman twitternya pada 19 September yang berbunyi “*Roomate asked for the room till midnight. I went to Molly Wei’s room ad turned oon my webcam. I saw him making out with a dude. Yay.*” Kemudian, Ravi telah menggunakan kamera di bilik domnya untuk

⁵⁹ http://www.cybersecurity.my/en/knowledge_bank/news/2009/main/detail/1794/index.html (10 July 2009), “*Think before handing out phones to kids*”.

⁶⁰ *What is Cyberbullying*, Karen S Headlee, University of Florida in Family and Consumer Services, pp 1-2.

⁶¹ ROBIN M. KOWALSKI ET AL., *Cyberbulling 2* (2008), pp 49. One of the most contemporary examples of this is sexting-the exchange of explicit photographs between two people who used to be in a relationship that has ended bitterly, with one party revealing those pictures to others in an attempt to get payback. *See Sexting Shockingly Common Among Teens*, CBS NEWS, Feb. 11. 2009, <http://www.cbsnews.com/stories/2009/01/15/national/main4723161.shtml>.

⁶² *The State of New Jersey vs. Dharun Ravi*

⁶³ Lisa Foderaro, *Private Moment Made Public, Then a Fatal Jump*, N.Y. TIMES, Feb, 2013, <http://www.nytimes.com/2010/09/30/nyregion/30suicide.html>.

menyiarkan aksi intim Tyler dan menyiarkan video tersebut secara langsung di internet.⁶⁴ Pada Mac 2012, Ravi telah disabitkan dengan 15 kesalahan termasuklah memecah masuk hak peribadi seseorang dan boleh dikenakan 10 tahun penjara dan dipulangkan semula ke negara asalnya di India.

2.3 KESAN-KESAN BULI SIBER TERHADAP MANGSANYA

Siber buli boleh mencapai penonton yang lebih besar dan mempunyai lebih kesan sosial terhadap mangsa daripada buli biasa. Hasilnya, mangsa siber buli boleh bertindak balas sama ada secara positif atau negatif. Reaksi positif oleh remaja yang menjadi mangsa buli siber ialah bagi menyekat atau “block” komunikasi dengan pembuli tersebut, memadam mesej-mesej yang dihantar tanpa membacanya atau membincangkan masalah yang dihadapinya berkenaan dengan buli siber ini dengan rakan-rakan atau keluarga dan juga membuat laporan tentang buli siber ini kepada orang yang mempunyai autoriti. Namun begitu, seramai 60% mangsa buli siber adalah terjejas oleh pembulian yang dilakukan. Kesan jangka pendek dan jangka panjang yang dialami oleh mangsa buli siber pula adalah hampir sama dengan kesan yang dialami oleh mereka yang dibuli secara biasa atau fizikal.

Kesan jangka masa pendek boleh merangkumi kemudaratan emosi, kehilangan self-esteem, keresahan, kemurungan, dan mengelakkan diri daripada dunia sosial manakala jangka masa panjang pula mungkin memberi kesan seperti kemurungan, merendahkan diri, dan dalam beberapa kes, membuat keputusan untuk membunuh diri. Mangsa buli siber juga mungkin mengalami kemarahan, kesedihan, kekecewaan, mengelakkan diri daripada penggunaan Internet, cepat marah, masalah akademik, dan kemungkinan peningkatan penglibatan diri dalam gejala menangih dadah dan penyalahgunaan alkohol. Lebih membimbangkan apabila sesetengah mereka boleh cenderung untuk membawa senjata dan melakukan jenayah bagi membalas dendam terhadap pembuli, mengelakkan berkawan atau melakukan aktiviti sosial, dan melakukan perkara yang sama yang dilakukan kepadanya iaitu menjadi pembuli siber. Ramai ahli profesional berkaitan kesihatan mental telah merawat sekurang-kurangnya satu pesakit 18 tahun atau lebih muda, dengan beberapa

⁶⁴ Emily Friedman, *Victim of Secret Dorm Sex Tape Posts Facebook Goodbye, Jumps to His Death*, ABC NEWS, Sept. 29, 2010, <http://abcnews.go.com/US/victimsecret-dorm-sex-tape-commits-suicide/story?id=11758716>.

jenis "pengalaman bermasalah di internet". Sering kali, mangsa bawahan umur atau remaja teragak-agak untuk melaporkan buli siber disebabkan malu dan bimbang bahawa ibu bapa mereka akan bertindak melebihi-lebih daripada apa yang sepatutnya dilakukan, atau takut bahawa pembuli siber itu akan membalas dendam terhadap mereka jika mereka melaporkan perkara tersebut kepada pihak berkuasa.

Seperti yang dibuktikan dalam kes Jacobson, ada dicatatkan dalam bahagian pengenalan kes yang mengatakan buli siber adalah merupakan masalah sebenar dalam kehidupan remaja serata dunia kini. Ancaman yang dilakukan oleh pembuli siber dalam talian terhadap mangsa remaja telah terbukti adalah sama seperti ancaman yang dilakukan oleh pembuli muka-ke-muka. Oleh itu, rentetan insiden baru-baru ini yang mempunyai membuahkan hasil yang buruk seperti menyebabkan mangsa buli mengalami masalah emosi, kemasukkan ke was psikitri dan akhirnya membunuh diri.

2.4 KAWALAN UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

Perkembangan teknologi maklumat menuntut adanya kawalan undang-undang yang baru di ruang siber, sama sekali berbeza dengan undang-undang yang terpakai di alam nyata. Persempadanan antara undang-undang awam an undang-undang persendirian, kenagsaan dan antarabangsa, anantara negeri dan self-regulations, serta methodologi positivis (undang-undang ciptaan manusia) yang telah sekian lama diamalkan adalah tidak memadai untuk menyelesaikan kepelbagaian masalah dalam ruang siber ini. Buli siber atau membuli dalam talian ini memerlukan perundangan khusus kerana undang—undang mengenai buli siber yang sejak sekian lama ada di beberapa negara tidak meliputi membuli di ruang siber. Sugguhpun ada beberapa negara yang tidak mempunyai akta khusus mengenai buli siber, tetapi sekurang-kurangnya pindaan terhadap undang-undang sedia ada perlu dilakukan bagi mengawal aktiviti ini.

2.4.1 Undang-Undang yang Mengawal

Di Malaysia sehingga kini, tiada akta khusus yang diwartakan oleh kerajaan untuk mengawal aktiviti buli siber. Tidak seperti di United Kingdom mahupun America, buli siber di malaysia

tidak ditakrifkan dengan jelas oleh mana-mana undang-undang. Bahkan peruntukan yang menghampiri perbuatan buli siber ini adalah juga tidak jelas seperti mana yang termaktub di bawah seksyen 211 dan seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) Seksyen 211 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 merupakan:

211. (1) Tiada pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan, atau orang lain yang menggunakan perkhidmatan aplikasi kandungan, boleh memberikan kandungan yang sumbang, lucu, palsu, mengancam atau jelic sifatnya dengan niat untuk mengacau, mendera, mengugut atau mengganggu mana-mana orang.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan juga boleh didenda selanjutnya satu ribu ringgit bagi setiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan.

Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 pula memperuntukan seperti berikut:

233. (1) Seseorang yang—

(a) dengan menggunakan mana-mana kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi secara sedar—

(i) membuat, mewujudkan atau meminta-minta; dan

(ii) memulakan penghantaran,

apa-apa komen, permintaan, cadangan atau komunikasi lain yang lucu, sumbang, palsu, mengancam atau jelic sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain; atau

(b) memulakan suatu komunikasi dengan menggunakan mana-mana perkhidmatan aplikasi, sama ada secara berterusan, berulang kali atau selainnya, dan dalam masa itu komunikasi mungkin atau tidak mungkin berlaku, dengan atau tanpa mendedahkan identitinya dan dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu mana-mana orang di mana-mana nombor atau alamat elektronik,

melakukan suatu kesalahan.

(2) Seseorang yang secara sedar—

(a) dengan menggunakan suatu perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi memberikan apa-apa komunikasi lucah bagi maksud komersial kepada mana-mana orang; atau

(b) membenarkan suatu perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi di bawah kawalan orang itu untuk digunakan bagi suatu aktiviti yang diperihalkan dalam perenggan (a),

melakukan suatu kesalahan.

(3) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan hendaklah juga boleh didenda selanjutnya satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan.

Hanya dua peruntukan ini sahaja yang paling bersesuaian untuk dikaitkan dengan masalah buli siber di Malaysia. Peruntukan ini jelas membuktikan bahawa pembuli siber jika disabitkan kesalahan akan didenda, tetapi mangsa tidak mendapat pembelaan sewajarnya kerana tiada pampasan diberikan kepadanya. Menerusi peruntukan ini juga tiada penjelasan secara terperinci diberikan tentang hak-hak mangsa untuk membuat tuntutan remedi di mahkamah bagi mendapatkan suatu perintah tegahan.

Sementara itu, Akta Jenayah Komputer 1997 (Akta 563) di Malaysia juga tidak menyediakan sebarang peruntukan mengenai kesalahan ini sedangkan masalah ini seringkali dikaitkan dengan kesalahan jenayah siber. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer Malaysia (MyCERT) dengan kerjasama Cyber Security Malaysia (dahulunya dikenali sebagai NISER), terdapat peningkatan ketara dalam kejadian pembulian siber di Malaysia dari tahun 2007 hingga tahun 2011.

Jadual 1: Kes gangguan buli dalam talian dari tahun 2007-2011⁶⁵

Tahun	2007	2008	2009	2010	2011
Jumlah	16	27	47	62	68

Di sini dapat dilihat yang perundangan Malaysia yang kini adalah tidak memadai untuk mengawal gejala buli siber yang makin lama makin bertambah dan definisi buli siber sendiri adalah sangat kabur kerana tidak diberikan penjelasan atau statut yang khusus untuk mentafsirkannya yang telah menyukarkan mahkamah untuk membuat keputusan dalam kes-kes yang berkaitan dengan buli siber ini.

⁶⁵ *Cyberbully in Malaysia survey*, www.cybersecurity.org.my.